



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

SELASA, 17 OKTOBER 2023

LAPORAN HARIAN





UKK KPWKM



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM



www.kpwkm.gov.my

[f](#) [t](#) [@](#) kpwkm

17/10/2023

BIL	PERKARA	SUMBER
1	KPWKM PASTIKAN AGIHAN PERUNTUKAN RM3.52 BILION SAMPAI GOLONGAN SASAR	
	https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2023/10/1165935/kpwkm-pastikan-agihan-peruntukan-rm352-bilion-sampai-golongan-sasar	BHARIAN.COM.MY
	https://www.bernama.com/bm/am/news.php?id=2235581	BERNAMA.COM
	https://tvstv.my/2023/10/16/belanjawan-2024-kpwkm-pastikan-agihan-rm3-52-bilion-sampai-golongan-sasar/	TVSTV.MY
	https://www.bernama.com/en/news.php?id=2235594	BERNAMA.COM
	https://www.malaymail.com/news/malaysia/2023/10/16/budget-2024-women-ministry-to-ensure-rm352b-allocation-reaches-targeted-groups-says-minister/96656	MALAYMAIL.COM
	https://www.theborneopost.com/2023/10/16/budget-2024-women-ministry-to-ensure-rm3-52b-allocation-reaches-targeted-groups-says-minister/	THEBORNEOPOST.COM
	https://theedgemalaysia.com/node/686373	THEEDGEMALAYSIA.COM

BIL	PERKARA	SUMBER
2	SEVEN MORE COMMUNITY SOCIAL SUPPORT CENTRES PLANNED FOR SARAWAK	
	https://www.thestar.com.my/news/nation/2023/10/16/seven-more-community-social-support-centres-planned-for-sarawak	THESTAR.COM.MY
	https://www.newsarawaktribune.com.my/fatimah-collaborative-efforts-needed-to-address-complex-social-issues/	NEWSARAWAKTRIBUNE.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
3	16 OKT 2023 BERITA PAGI – HANTAR ANAK KE TASKA BERDAFTAR DENGAN JKM: PENGENDALI TERTAKLUK SOP	
	https://www.youtube.com/watch?v=Sj_3cwVV5ls	YOUTUBE



JKM



JPW



LPPKN



ISM



LKM



YKN

UKK KPWK

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my

f t i kpwkm

17/10/2023

BIL	PERKARA	SUMBER
4	JOINING HANDS TO PROMOTE EQUALITY	
	https://www.thestar.com.my/metro/metro-news/2023/10/16/joining-hands-to-promote-equality	THESTAR.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
5	TIDUR BERSANDAR KERANA HIDAP ASMA KRONIK	
	https://www.kosmo.com.my/2023/10/16/tidur-bersandar-kerana-hidap-asma-kronik/	KOSMO.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
6	BAYI DUA BULAN MAUT: TASKA TIDAK BERDAFTAR, JKM SITA PREMIS	
	https://www.youtube.com/watch?v=2MKHBgpmVs	YOUTUBE
	https://www.youtube.com/watch?v=2ImVLIMU60M	YOUTUBE

BIL	PERKARA	SUMBER
7	BULAN KOMUNITI MCDONALD'S RAI 12,000 ANAK YATIM SELURUH NEGARA	
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/10/1020591/bulan-komuniti-mcdonalds-rai-12000-anak-yatim-seluruh-negara	HMETRO.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
8	WANITA MAUT PIKAP BERTEMBUNG LORI	
	https://www.buletintv3.my/nasional/wanita-maut-pikap-bersembung-lori/	BULETINTV3.MY



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK



UKK KPWK

www.kpwkm.gov.my

[f](#) [t](#) [@](#) kpwkm

17/10/2023

BIL	PERKARA	SUMBER
9	RUMAH PERANTARAAN BANTU KURANGKAN KADAR PESALAH BERULANG	
	https://www.utusan.com.my/nasional/2023/10/rumah-perantaraan-bantu-kurangkan-kadar-pesalah-berulang/	UTUSAN.COM.MY
	https://www.sinarharian.com.my/article/629640/berita/nasional/rumah-pengantaraan-bantu-kurangkan-pesalah-berulang	SINARHARIAN.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
10	PEMERDAGANGAN MANUSIA, WANITA FILIPINA DAN LELAKI TEMPATAN DITAHAN DI LABUAN	
	https://berita.rtm.gov.my/index.php/semasa/71209-pemerdagangan-manusia-wanita-filipina-dan-lelaki-tempatan-ditahan-di-labuan	BERITA.RTM.GOV.MY
	https://www.utusanborneo.com.my/2023/10/16/tujuh-wanita-selamat-dari-jadi-mangsa-pemerdagangan-manusia	UTUSANBORNEO.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
11	KANAK-KANAK BERISIKO DISERANG VERTIGO	
	https://www.bernama.com/bm/rencana/news.php?id=2235339	BERNAMA.COM

BIL	PERKARA	SUMBER
12	MARHABAN, BERENDOI, BERSELAT RAI 10 BAYI SEMPENA BULAN KEMERDEKAAN	
	https://www.utusan.com.my/nasional/2023/10/marhaban-berendoi-berseawat-rai-10-bayi-sempena-bulan-kemerdekaan/	UTUSAN.COM.MY



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK



UKK KPWK

www.kpwkm.gov.my

[f](#) [t](#) [@](#) kpwkm

17/10/2023

BIL	PERKARA	SUMBER
13	LELAKI WARGA EMAS DIKHUATIRI LEMAS SELEPAS JATUH PERAHU DI KANOWIT	
	https://www.utusanborneo.com.my/2023/10/16/lelaki-warga-emas-dikhuatiri-lemas-selepas-jatuh-perahu-di-kanowit	UTUSANBORNEO.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
14	BINA LEBIH BANYAK PUSAT PENGAJIAN AL-QURAN OKU DI TANAH WAKAF	
	https://www.sinarharian.com.my/article/629578/berita/nasional/bina-lebih-banyak-pusat-pengajian-al-quran-oku-di-tanah-wakaf	SINARHARIAN.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
15	KELUARGA QASEH AULIA HARAPKAN KEADILAN SEWAJARNYA	
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/10/1020712/keluarga-qaseh-aulia-harapkan-keadilan-sewajarnya	HMETRO.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
16	BLOK ASRAMA PEREMPUAN PULA TERBAKAR, 30 PELAJAR SELAMAT	
	https://www.astroawani.com/berita-malaysia/blok-asrama-perempuan-pula-terbakar-30-pelajar-selamat-442033	ASTROAWANI.COM

BIL	PERKARA	SUMBER
17	BUNGA RAYA 7S WANITA NEGARA KEKAL STATUS ELIT	
	https://www.sinarharian.com.my/article/629680/berita/sukan/bunga-raya-7s-wanita-negara-kekal-status-elit	SINARHARIAN.COM.MY



JKM



JPW



LPPKN



ISM



LKM



YKN

UKK KPWKM

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my[f](#) [t](#) [@](#) kpwkm

17/10/2023

BIL	PERKARA	SUMBER
18	KERETA BERTEMBUNG LORI, 2 WANITA MAUT	
	https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2023/10/16/kereta-bertembung-lori-2-wanita-maut/	FREEMALAYSIATODAY.COM
	https://www.bharian.com.my/berita/kes/2023/10/1165955/dua-wanita-maut-kereta-bertembung-lori	BHARIAN.COM.MY
	https://www.kosmo.com.my/2023/10/16/dua-wanita-maut-kereta-bertembung-lori/	KOSMO.COM.MY
	https://www.astroawani.com/berita-malaysia/dua-wanita-maut-kereta-hilang-kawalan-bertembung-lori-442110	ASTROAWANI.COM
	https://www.sinarharian.com.my/article/629710/berita/semasa/dua-wanita-maut-kereta-hilang-kawalan-bertembung-lori	SINARHARIAN.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
19	MAYAT WANITA WARGA EMAS DITEMUKAN TERAPUNG	
	https://www.sinarharian.com.my/article/629711/berita/semasa/mayat-wanita-warga-emas-ditemukan-terapung	SINARHARIAN.COM.MY
	https://www.kosmo.com.my/2023/10/16/mayat-warga-emas-ditemui-terapung-di-sungai-kinta/	KOSMO.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
20	BELANJAWAN 2024 MAMPU MENDAYA UPAYA OKU	
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/10/1020646/belanjawan-2024-mampu-mendaya-upaya-oku	HMETRO.COM.MY
	https://selangorkini.my/2023/10/belanjawan-2024-perkasa-oku-perluas-akses-pendidikan-awal-kanak-kanak/	SELANGORKINI.MY
	https://www.bernama.com/bm/am/news.php?id=2235428	BERNAMA.COM



JKM



JPW



LPPKN



ISM



LKM



YKN

UKK KPWKM

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my

f t i kpwkm

17/10/2023

BIL	PERKARA	SUMBER
21	2 REMAJA PEREMPUAN PUKUL KANAK-KANAK DITAHAN POLIS	
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/10/1020750/2-remaja-perempuan-pukul-kanak-kanak-ditahan-polis	HMETRO.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
22	15 ORANG ASLI KENSIU ANTARA 61,461 OKU BERDAFTAR DI KEDAH	
	https://www.utusan.com.my/nasional/2023/10/15-orang-asli-kensiu-antara-61461-oku-berdaftar-di-kedah/	UTUSAN.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
23	'ISU DISKRIMINASI PEKERJA OKU TAK PERLU UNDANG-UNDANG KHUSUS'	
	https://www.sinarharian.com.my/article/629659/berita/nasional/isu-diskriminasi-pekerja-oku-tak-perlu-undang-undang-khusus	SINARHARIAN.COM.MY
	https://malaysiagazette.com/2023/10/16/akta-pekerja-1955-sudah-memadai-tangani-isu-pekerja-termasuk-oku/	MALAYSIAGAZETTE.COM

BIL	PERKARA	SUMBER
24	HSNI CARI WARIS WARGA EMAS MANGSA KEMALANGAN JALAN RAYA	
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/10/1020720/hsni-cari-waris-warga-emas-mangsa-kemalangan-jalan-roya	HMETRO.COM.MY



JKM



JPW



LPPKN



ISM



LKM



YKN

UKK KPWK

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK



www.kpwkm.gov.my

kpwkm


17/10/2023

BIL	PERKARA	SUMBER
25	WARGA EMAS DIKHUATIRI LEMAS JATUH SUNGAI	
	https://tvstv.my/2023/10/16/warga-emas-dikhuatiri-lemas-jatuh-sungai/	TVSTV.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
26	WARGA EMAS MAUT, ISTERI PARAH KENDERAAN BERTEMBUNG LORI DI SEMPORNA	
	https://www.dailyexpress.com.my/news/221785/warga-emas-maut-isteri-parah-kenderaan-berembang-lori-d-tawau/	DAILYEXPRESS.COM.MY
	https://www.buletintv3.my/nasional/kenderaan-berembang-pesara-maut-isteri-parah/	BULETINTV3.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
27	DUA BERADIK MENGAKU TIDAK BERSALAH CEDERAKAN IBU KANDUNG	
	https://www.buletintv3.my/mahkamah/dua-beradik-mengaku-tidak-bersalah-cederakan-ibu-kandung/	BULETINTV3.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
28	GADAI MOTOSIKAL BAYAR TUNGGAKAN SEWA RUMAH, BELANJA KEPERLUAN HARIAN	
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/10/1020726/gadai-motosikal-bayar-tunggakan-sewa-rumah-belanja-keperluan-harian	HMETRO.COM.MY



TAJUK : DEDAH KANAK-KANAK REMAJA ISU KESIHATAN MENTAL

HARI : SELASA

AKHBAR : BERITA HARIAN

TARIKH : 17 OKT 2023

M/SURAT : 17

TONE : POSITIF

SEKTOR : KPWKM

Dedah kanak-kanak, remaja isu kesihatan mental

Kuala Lumpur: Ilmu mengenai kesihatan mental bukan hanya topik wajar dibincangkan dalam kalangan golongan dewasa, malah juga penting didedahkan kepada kanak-kanak dan remaja.

Timbalan Pengarah (Perubatan) Hospital Tunku Ampuan Besar Tuanku Aishah Rohani (HPKK) UKM, Prof Dr Hamidah Alias, berkata berkaitan kesihatan mental, jelas dipaparkan menerusi data terkini Survei Kesihatan dan Morbiditi Kebangsaan (NHMS), mendapati peningkatan membimbangkan bilangan remaja mempunyai simptom kemurungan, iaitu daripada 18.3 peratus pada 2017 kepada 26.7 peratus, tahun lalu.

"Keinginan remaja untuk bunuh diri juga meningkat daripada 10 peratus pada 2017 kepada 13.1 peratus. Ini menunjukkan penting kita membendung masalah ini daripada berpanjangan.

"Dengan mengambil tindakan terhadap kesihatan mental sejak usia muda, kita mempersiapkan mereka untuk menghadapi cabaran hidup agar daya ketahanan kuat," katanya ketika merasmikan program sambutan Hari Mental Sedunia 2023, peringkat hospital itu, baru-baru ini.

Dr Hamidah yang juga Pakar Hematologi Onkologi Pediatrik berkata, dalam usaha meningkatkan kesedaran mengenai kesihatan mental, masyarakat perlu menghapuskan stigma di persekitarannya.

"Kesihatan mental bukan tanda kelemahan, tetapi adalah bukti kemanusiaan.

"Jadi, bersama kita menghilangkan kekeliruan dan mempromosikan naluri empati dan saling memahami di dalam komuniti," katanya.

Pengarah Program itu, Prof Madya Dr Fairuz Nazri Abd Rahman, berkata kesihatan mental untuk semua lapisan masyarakat, terutama golongan B40 yang melalui pelbagai kesusahan dalam kehidupan.

"Justeru, objektif program ini bagi meningkatkan kesedaran kanak-kanak dan remaja pada peringkat sekolah rendah dan sekolah menengah," katanya.

Antara aktiviti adalah ceramah mengenai kesihatan mental, forum dengan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) kesihatan mental dan pameran berkaitan isu sama.

Dr Hamidah
Alia





TAJUK : PERBUALAN BAPA, ANAK HIDAP KANSER DARAH UNDANG SEBAK

HARI : SELASA

AKHBAR : BERITA HARIAN

TARIKH : 17 OKT 2023

M/SURAT : 17

TONE : NEUTRAL

SEKTOR : KPWKM

Perbualan bapa, anak hidap kanser darah undang sebak

Perkongsi gelagat Marissa di TikTok raih simpati warga netizen

Oleh Omar Ahmad
bhnews@bh.com.my

Johor Bahru: "Botak kan comel... Botak kan comel. Kalau botak nanti cantik...kan daddy? Tapi nak botak kat sa-lun".

Itulah antara ayat diulang-ulang pesakit kanser darah atau leukemia, Alexandria Marissa Abdul Malik, 4, sambil disahut bapanya, yang turut setuju 'Botak kan comel' dan mengajak bersama botak.

Perkongsi gelagat Marissa di TikTok dimuat naik ibunya yang menggunakan akaun Mommy Shark merah 304.6k likes serta mendapat banyak komen dan simpati netizen yang mendoakan kesembuhannya.

Menurut ibunya, Nor Shakila Mohd Shoki, 31, anaknya mesra disapa Marissa, mengulang perkataan itu yang perlu membolehkan kepala kerana rambutnya sudah mula gugur selepas rawatan kemoterapi.

Katanya, sejak disahkan menghidap penyakit itu 15 Jun lalu, dia tidak mahu memaksa anak tunggalnya membotakkan kepala.

"Dia memang anak yang kuat, saya terangkan kepadanya, Marissa ada kanser, kanser tak baik untuk badan. Marissa kena kuat. Bulan lalu rambutnya sudah mula gugur dengan banyak.

"Saya tidak mahu memaksa Marissa botak sebab dia cakap botak tak cantik. Tetapi satu hari ketika dalam wad, depan katil Marissa ada seorang kanak-kanak lelaki dibotakkan.

"Ketika itu, ayahnya, Abdul Malik Yahya, 32, beritahu botak itu comel. Terus berulang-ulang kali Marissa cakap botak kan comel dan dia mahu botakkan rambut, tetapi di salun, malangnya akibat komplikasi luka tulang sumsum itu, Marissa terpaksa dibotakkan atas katil hospital," katanya.

Derita Marissa bermula apabila dia kerap demam sejak awal tahun ini, kemudian disahkan



menghidap kanser darah selepas pemeriksaan tulang sumsum di Hospital Sultan Ismail (HSI).

Menangis depan doktor

"Saya memang rasa 'lain' apabila Marissa kerap demam, saya terus buat pemeriksaan kesihatan secara menyeluruh di hospital dan mendapati bacaan darah Marissa tidak normal dan suspek kanser.

"Sepanjang tempoh itu saya tetap positif, tidak mungkin kanser. Sampai hari keputusan tulang sumsum Marissa di HSI, doktor sahkan Marissa menghidap leukemia.

"Hanya Allah sahaja yang tahu perasaan saya dan suami. Kami menangis depan doktor kerana tidak menyangka Marissa yang kecil diuji dengan sakit yang besar," katanya.

Menurut Nor Shakila, dia dan suami tidak mengambil masa lama buat keputusan merawat puteri kesayangan mereka.

"Selepas doktor sahkan, kami berbincang kaedah rawatan sesuai untuknya. Saya tidak mahu bertangguh kerana setiap saat sel kanser akan merebak cepat.

"Leukemia tidak babitkan organ, tetapi seluruh tubuh darah mengalir dan ketika itu dan sudah 74 peratus. Saya ada membuat sedikit bacaan dan selepas berbincang kami putuskan buat kemoterapi," katanya.

Kata pegawai IT di sebuah sya-

rikat di sini, memaklumkan Marissa anak yang kuat semangat.

Marissa akan menangis setiap kali rawatan, tetapi tetap beri kerjasama kepada pasukan kesihatan.

"Marissa sudah 22 kali menjalani rawatan kemoterapi, tulang sumsum akan diambil untuk mengetahui keberkesanan rawatan.

"Marissa ada masalah komplikasi kerana luka tulang sumsumnya tidak baik dan terpaksa dibersihkan dengan kaedah pembedahan. Kini hampir


sebulan Marissa di wad," kata Nor Shakila.

Marissa tidak dapat ke sekolah kerana menjalani rawatan kanser selama dua tahun.

"Alhamdulillah Marissa dalam kategori risiko rendah, tapi ada komplikasi. Sekarang ini keputusan kansernya semakin menurun, tetapi sekiranya selepas rawatan sel kanser menunjukkan tanda menaik, ia akan dikategorikan kepada risiko tinggi," katanya yang aktif memuat naik perkembangan Marissa dalam TikTok.



Nor Shakila dan Abdul Malik bersama Marissa.



TAJUK : DUA BERADIK NAFI CEDERAKAN IBU

HARI : SELASA

AKHBAR : HARIAN METRO

TARIKH : 17 OKT 2023

M/SURAT : 19

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM

Dua beradik nafi cederakan ibu

Port Dickson: Dua beradik didakwa di Mahkamah Majistret di sini, semalam, atas pertuduhan mencederakan ibu mereka.

Tertuduh, Mohammad Fahmi Azrai Nazri, 29, dan adiknya yang berusia 17 tahun bagaimanapun mengaku tidak bersalah selepas kertas pertuduhan dibacakan di hadapan Majistret Uthman Abd Ghani.

Mengikut pertuduhan, tertuduh yang masing-masing merupakan anak ketiga dan kelima didakwa dengan sengaja mendatangkan kecederaan terhadap ibu mereka berusia 58 tahun.

Kesalahan itu dilakukan pada jam 9.28 malam, 28 September lalu, di sebuah rumah di Taman Pertama, di sini.

Mereka didakwa melakukan kesalahan mengikut Seksyen 323 Kanun Keseksaan (KK) dan dibaca ber-

sama Seksyen 326A KK dan Seksyen 34 KK.

Bagi kesalahan di bawah Seksyen 323 KK, mereka boleh dipenjarakan sehingga setahun atau denda sehingga RM2,000 atau kedua-duanya manakala di bawah Seksyen 326A KK, tertuduh boleh dipenjarakan suatu tempoh dua kali ganda tempoh maksimum jika sabit kesalahan.


Timbalan Pendakwa Raya, Nadia Ezzati Mohd Zainal menawarkan jaminan RM6,000 dengan seorang penjamin bagi setiap tertuduh.

Mohammad Fahmi Azrai yang tidak diwakili peguam merayu jaminan minimum kerana tidak bekerja manakala adiknya memaklumkan dia masih bersekolah.

Mahkamah menetapkan jaminan RM3,000 bagi setiap tertuduh dengan seorang penjamin dan sebutan semula kes pada 16 November ini.



DUA beradik dituduh cederakan ibu di Mahkamah Majistret Port Dickson. - Gambar NSTP/AZRUL EDHAM



TAJUK : GADAI MOTOR ELAK DIHALAU

HARI : SELASA

AKHBAR : HARIAN METRO

TARIKH : 17 OKT 2023

M/SURAT : 12

TONE : NEUTRAL

SEKTOR : KPWKM

Ibu tunggal buntu sara 5 anak selepas kehilangan suami Ogos tahun lalu

Oleh Hazira Ahmad Zaidi
am@hmetro.com.my

Machang

Seorang ibu tunggal sanggup menggadai motorikal yang dibelinya bagi membayar tunggakan sewa rumah sejak dua bulan lalu selain untuk perbelanjaan harian.

Nur Fazlizawati Zohari, 40, berkata, dia kini buntu untuk mencari sumber kewangan bagi membayar tunggakan sewa rumah kerana bimbang akan diusir memandangkan mereka sekeluarga tidak mempunyai tempat lain untuk berteduh.

Menurutnya, kisah hidupnya penuh berliku selepas suaminya, Mohd Nazri Khaidhir meninggal dunia pada Ogos tahun lalu

Gadai motor elak dihalau

NUR Fazlizawati bersama empat anaknya ketika ditemui di rumah sewa mereka di Taman Setia Kasih, Pangkal Meleret.



disebabkan penyakit darah tinggi.

Katanya, kini dia perlu menggalas tanggungjawab sebagai ketua keluarga un-

tuk menyara lima anaknya.

"Sebagai manusia biasa dan isteri selama ini bergantung harap kepada

suami, perasaan kehilangan dan sedih itu pastinya dirasai dan selepas arwah tiada, sumber pendapatan kami sekeluarga tidak ada.

"Selama ini, segalanya diuruskan arwah suami dan saya hanya menguruskan anak-anak serta rumah tangga. Rutin harian juga hanyalah untuk keluarga.

"Jadi, apabila perkara ini berlaku, saya jadi buntu dan tidak tahu mahu bermula dari mana selain betul-betul hilang arah," katanya ketika ditemui di rumah sewanya di Taman Setia Kasih, Pangkal Meleret di sini.

Terdahulu, badan bukan kerajaan (NGO) Cempaka Merah Asnaf Society yang diwakili Che Norhayati Mohamed selaku pengerusi melawat dan bertanya khabar keluarga berkenaan.

Nur Fazlizawati berkata, dalam keadaan buntu itu dia perlahan-lahan mengatur rentak dan kembali melangkah untuk menguruskan kehidupan bersama anak-anak yang masih memerlukan.

"Saya bangkit dan pernah berniaga makanan secara kecil-kecilan, namun hanya bertahan selama beberapa bulan sahaja dan terpaksa

ditutup disebabkan kekurangan kewangan.

"Kini hanya mengharapkan anak sulung, Muhammad Aiman Jazlan, 18, yang bekerja di kedai runcit dengan upah RM35 sehari.

"Bagi meneruskan kelangsungan hidup, sebolehnya saya mahu meniaga makanan seperti sebelum ini kerana perlu menjaga anak-anak kecil serta bersekolah tetapi tidak mempunyai sumber kewangan," katanya.

Menurutnya, mereka anak-beranak sudah lali makan nasi berlauk telur dan berkuah kacang, malah ada waktunya tanpa sebarang lauk disebabkan kesempitan hidup.

"Kehidupan kami sekeluarga hanya bergantung kepada belas ihsan tetangga serta sanak-saudara," katanya.

Orang ramai yang ingin menyumbang boleh menyalurkan sumbangan ke akaun Bank Islam bernombor 0304502196638 atas nama Nur Fazlizawati Zohari atau menghubunginya ditalian 017-2047307.

"Hanya bertahan beberapa bulan sahaja disebabkan kekurangan kewangan"
Nur Fazlizawati



TAJUK : LELAKI HADAPI 2 PERTUDUHAN

HARI : SELASA

AKHBAR : HARIAN METRO

TARIKH : 17 OKT 2023

M/SURAT : 19

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM



BONNY diiringi anggota polis di Mahkamah Majistret Butterworth. - Gambar NSTP/DANIAL SAAD

Oleh Nur Izzati
Mohamad
am@hmetro.com.my

KES BOM RUMAH JIRAN

Butterworth

Pekerja kilang yang meletupkan bom buatan sendiri berhampiran mesin basuh jirannya mengaku tidak bersalah di Mahkamah Majistret di sini, semalam atas dua pertuduhan memiliki bahan letupan sendiri (IED) dan sepucuk pistol tiruan pada 8 Oktober lalu.

Bonny Tigong, 32, membuat pengakuan itu selepas pertuduhan dibacakan jurubahasa di hadapan Majistret Siti Zulaikha Nordin.

Mengikut kertas pertuduhan pertama dan kedua, tertuduh didakwa memiliki IED dan sepucuk pistol tiruan kayu tanpa kebenaran yang sah.

Kedua-dua kesalahan itu didakwa dilakukan Flat Taman Pandan, Mak Mandin, di sini pada 8 Oktober lalu, antara jam 6.30 petang dan 7.35 malam.

Tertuduh yang masih

buang didakwa melakukan kesalahan terbabit mengikut Seksyen 8 Akta Bahan Letupan 1957 yang memperuntukkan hukuman penjara sehingga tujuh tahun atau denda RM10,000 atau kedua-duanya sekali.

Manakala tuduhan mengikut Seksyen 36 Akta Senjata 1960 jika sabit kesalahan boleh dihukum penjara tidak melebihi satu tahun atau denda RM5,000 atau kedua-duanya sekali.

Sementara itu, di Mahkamah Sesyen di sini, tertuduh turut mengaku tidak bersalah atas pertuduhan memiliki sebilah kerambit bersama sarung tanpa tujuan yang sah di lokasi dan masa yang sama.

Tertuduh didakwa me-

ngikut Seksyen 7(1) Akta Bahan-bahan Kakisan dan Letupan dan Senjata Berbahaya 1958 yang memperuntukkan hukuman penjara tidak melebihi 10 tahun dan sebat.

Pendakwaan dikendalikan oleh Timbalan Pendakwa Raya, Asma' Amira Shahidani dan Mohammad Syafiq Nasrullah Saleem Ali manakala tertuduh diwakili peguam dari Yayasan Bantuan Guaman Kebangsaan (YBGK).

Mahkamah menetapkan jaminan keseluruhan sebanyak RM15,000 bagi semua pertuduhan dan kes akan disebut semula pada 16 November depan.

Terdahulu media melaporkan seorang lelaki ditahan polis selepas mele-

putkan bom buatan sendiri berhampiran mesin basuh jirannya di flat terbabit.

Perbuatan itu dilakukan berikutan suspek berang dengan kelakuan jirannya yang dikatakan kerap batuk setiap kali dia melalui kaki lima menuju ke rumahnya.

Siasatan awal turut membawa kepada penemuan satu lagi bom buatan sendiri dan pihak polis turut merampas sepucuk pistol serta peluru buatan sendiri dan kerambit.

Melalui soal siasat mendapati suspek dikatakan mempelajari cara dan teknik membuat bom melalui laman web manakala bahan yang digunakan diperolehi menerusi pembelian dalam talian.



TAJUK : PUPUK MUAFAKAT KEJIRANAN

HARI : SELASA

AKHBAR : HARIAN METRO

TARIKH : 17 OKT 2023

M/SURAT : 13

TONE : POSITIF

SEKTOR : KPWKM

Pupuk muafakat kejiranan

Oleh Omar Ahmad
am@hmetro.com.my

Program Kebun Kejiranan bantu penduduk bandar jana pendapatan

Johor Bahru

Majlis Bandaraya Johor Bahru (MBJB) komited membantu masyarakat menerusi pelaksanaan Program Kebun Kejiranan di dalam kawasan sejak Januari 2021.

Datuk Bandar MBJB, Datuk Mohd Noorazam Osman berkata, program itu adalah inisiatif yang mampu membantu kejiranan menjana pendapatan.

Katanya, ia juga berfungsi sebagai bank makanan selaras dengan hala tuju Kerajaan Negeri untuk memperkasakan agenda Food Security.

"Program kebun kejiranan bermula pada Januari 2021 selepas pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

"Aktiviti kebun kejiranan ini bertujuan meningkatkan pengalaman kejiranan dalam memastikan setiap zon boleh berfungsi sebagai kawasan kependudukan yang sempurna dalam menempuh situasi penularan wabak Covid-19.

"Sehingga Ogos lalu, sebanyak 27 kebun kejiranan sudah beroperasi dan semua kebun kejiranan ini menerima bantuan bekalan peralatan serta keperluan kebun kejiranan daripada MBJB," katanya ketika dihubungi.

Semalam, Harian Metro melaporkan komuniti setempat termasuk dalam

kawasan taman perumahan dan rumah pangsa mengambil inisiatif mewujudkan kebun komuniti bagi mengurangkan kos sara hidup.

Inisiatif ini dilaksanakan dengan kerjasama pengurusan strata di bawah Kementerian Pembangunan dan Kerajaan Tempatan (KPKT).

Mohd Noorazam berkata, bantuan bekalan merangkumi medium tanaman, peralatan kebun, bahan tanaman, stor peralatan, baja, racun dan set fertigasi mengikut keperluan dan kesesuaian di tapak.

Katanya, jumlah bantuan

"Peruntukan yang disediakan oleh MBJB untuk bekalan peralatan dan keperluan kebun kejiranan pada tahun ini sebanyak RM296,700"



yang diberikan berdasarkan keperluan awal penanaman untuk jumlah 200 anak pokok.

"Peruntukan yang disediakan oleh MBJB untuk bekalan peralatan dan keperluan kebun kejiranan

pada tahun ini sebanyak RM296,700.

"Sebahagian besar hasil tanaman dijual dan wang hasil jualan digunakan sebagai modal pusingan untuk menampung kos pengurusan atau pelaksanaan aktiviti bagi memastikan program kebun kejiranan dilaksanakan secara berturus.

"Selain itu, sebahagian kecil hasil tanaman juga diagihkan kepada penduduk sekitar kejiranan.

"Ia bagi menampung keperluan harian, sekali gus dapat membantu mengurangkan kos perbelanjaan," katanya.

Sebarang masalah di kawasan anda boleh dikongsi ke e-mel ke Suara Anda, Kami Dengar di am@hmetro.com.my



TAJUK : MAN JAILED 1 YEAR FOR THREATENING SON WITH KNIFE

HARI : SELASA

AKHBAR : NEW STRAITS TIMES

TARIKH : 17 OKT 2023

M/SURAT : 06

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM

ORDERED SON TO PRAY

Man jailed 1 year for threatening son with knife

TAWAU: A man was sentenced to 12 months' imprisonment by the magistrate's court here after pleading guilty to criminal intimidation of his son in August.

Magistrate Don Stiwin Malanjum imposed the sentence after the accused, 32, pleaded guilty to the offence, which carries a maximum penalty of seven years' imprisonment or a fine, or both.

According to the charge, the accused was alleged to have made a criminal threat with the intention of causing fear by brandishing a knife at his 13-year-old son in their family home in Jalan Tiku near here at 9am on Aug 4, before instructing him to pray.

The prosecution was conducted by prosecution officer Assistant Superintendent Nur Intan Jamrin, while the accused was not represented.


Based on the facts of the case, the incident occurred when the accused went to his former in-law's house and had rushed to the kitchen, grabbed a knife and approached the victim while brandishing it and instructing him to pray.

The frightened victim complied with his father's instructions before his aunt contacted the police.

The accused, who works at a car wash facility and is divorced from his wife, had previously been referred to Mesra Bukit Padang Hospital in Kota Kinabalu due to suspected mental health issues.

In mitigation, he requested the court to consider a more lenient sentence, claiming he had repented and regretted his actions.

The court ordered the imprisonment to take effect from the date of arrest on Aug 4.



TAJUK : PAPAR CENTRE TO HOUSE MIGRANT KIDS

HARI : SELASA

AKHBAR : NEW STRAITS TIMES

TARIKH : 17 OKT 2023

M/SURAT : 08

TONE : POSITIF

SEKTOR : KPWKM

SABAH FACILITY

PAPAR CENTRE TO HOUSE MIGRANT KIDS

Baitul Mahabbah centre will take in children of illegal migrants by year end, says Saifuddin

OLIVIA MWIL
TUARAN
olivia@nst.com.my

THE Baitul Mahabbah centre for illegal child immigrants in Papar, here, is expected to be operational by the end of the year, said Home Minister Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail.

He said child detainees aged 10 and below would be placed at Baitul Mahabbah, which would be run by the Immigration Department, until their documentation process was completed and they were deported.

"In the 2024 Budget, the prime minister approved RM10 million for Baitul Mahabbah to be expanded to Sabah and Sarawak.

"Such an initiative will benefit the welfare of detainees and improve the reputation of Malaysia in the international stage in managing detainees and their human rights," he said, adding that there was a pilot centre in Nilai, Negri Sembilan.

Saifuddin was speaking at the Sabah People's Volunteer Corps (Rela) Training Centre here.

He also said the government was concerned about the welfare of Rela personnel and would ensure that facilities would be repaired and upgraded.

